

1. (a). Takrifkan andaian perakaunan dan prinsip perakaunan. Huraikan satu contoh bagi setiap takrif tersebut. [4]
- (b) Bagi setiap perkara berikut, nyatakan serta jelaskan prinsip perakaunan yang berkaitan selain prinsip kos sejarah. [9]
- (i) Urusan perniagaan dan peribadi yang diurus secara berasingan.
  - (ii) Inventori dinilai dengan menggunakan kaedah terendah antara kos atau nilai pasaran.
  - (iii) Melaporkan perkara signifikan yang memberikan kesan kepada keputusan.
  - (iv) Belian kalkulator yang tahan selama lima tahun dikira sebagai belanja.
  - (v) Menggunakan kaedah perakaunan yang sama bagi urus niaga yang serupa.
  - (vi) Mewujudkan peruntukan untuk hutang ragu.
  - (vii) Penggunaan nota kaki untuk penjelasan lanjut.
  - (viii) Amaun dalam penyata kewangan dibulatkan kepada angka ribu terdekat.
  - (x) Perniagaan menyediakan laporan kewangan interim dan tahunan.

- (c) Yang berikut ialah penyata pendapatan dan kunci kira-kira bagi Syarikat Gemilang Berhad.

**Syarikat Gemilang Berhad**  
**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember.**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>
Jualan	<u>850 000</u>	<u>650 000</u>
Kos barang dijual	410 000	315 000
Jumlah belanja	308 000	248 000
Cukai pendapatan	<u>53 000</u>	<u>18 000</u>
Untung bersih	<u>79 000</u>	<u>60 000</u>

**Syarikat Gemilang Berhad**  
**Kunci Kira-Kira pada 31 Disember.**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>
<b>Aset Tetap</b>		
Bangunan dan peralatan	<u>700 000</u>	<u>550 000</u>
<b>Aset Semasa</b>		
Tunai	50 000	30 000
Akaun belum terima	90 200	70 400
Inventori	<u>64 000</u>	<u>56 000</u>
	<u>204 200</u>	<u>156 400</u>
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Akaun belum bayar	110 000	122 000
Cukai belum bayar	<u>13 000</u>	<u>20 000</u>
	<u>123 000</u>	<u>142 000</u>
<b>Dibiayai oleh</b>		
Saham biasa	250 000	250 000
Pendapatan tertahan	480 000	250 000
Bon belum bayar	<u>51 200</u>	<u>64 400</u>
	<u>781 200</u>	<u>564 400</u>

- (1) Semua jualan adalah secara kredit.
- (2) Inventori pada 31 Disember 2007 adalah RM60 000.
- (3) Jumlah aset pada 31 Disember 2007 adalah RM510 000.

**Dikehendaki:**

Hitung yang berikut bagi Syarikat Gemilang Berhad untuk tahun 2008 dan 2009.

- i. Nisbah semasa.
- ii. Nisbah hutang atas jumlah aset.
- iii. Pusing ganti inventori.
- iv. Nisbah jualan atas jumlah aset tetap.
- v. Margin untung bersih atas jualan.
- vi. Kadar pulangan atas jumlah aset.

[12]

2. (a) Pada 1 Januari 2006, Syarikat Madu Manis Berhad telah membeli sebuah lori pengangkutan dengan harga RM150 000. Sebanyak 20% daripada harga lori itu telah dijelaskan secara tunai, bakinya dijelaskan dengan mengeluarkan nota belum bayar yang matang pada 30 Jun 2006 pada kadar faedah 7% setahun. Selain itu, kos-kos berikut telah juga dilibatkan semasa membeli lori tersebut. Semua kos tambahan ini dijelaskan secara tunai.

Insuran tahunan	3 000
Cukai jalan	1 500
Cat logo Syarikat	1 000

Lori tersebut dijangka digunakan sejauh 400 000 km perjalanan. Bilangan kilometer yang sebenarnya dilakukan oleh lori tersebut adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan kilometer</b>
2006	130 000
2007	125 000
2008	90 000
2009	<u>85 000</u>
Jumlah	<u>430 000</u>

**Dikehendaki:**

Sediakan catatan jurnal

- (i) Pada tarikh lori tersebut dibeli.
- (ii) Untuk merekodkan penjelasan nota belum bayar pada 30 Jun 2006 dan merekodkan belanja susut nilai lori pada tahun pertama ia dibeli.

- (iii) Jika lori tersebut dijual pada akhir tahun 2008 dengan harga RM50 000.
- (iv) Jika pada akhir tahun 2008 lori tersebut ditukar beli dengan sebuah lori baru dengan nilai pasaran bagi lori lama ialah RM22 000 dan syarikat telah membayar tunai RM100 000. [15]

(b) Syarikat Hwang Dee Berhad merupakan syarikat terkemuka menjual alat ganti kereta di Bandar Sentul, Selangor. Syarikat ini menggunakan sistem inventori secara berterusan. Yang berikut ialah urusan beli dan jualan inventori syarikat sepanjang tahun 2009:

Tarikh	Belian (unit)	Kos Seunit (RM)	Jualan (unit)
Baki awal	20	200	-
Jan 1	-	-	10
3	40	120	-
7	20	100	-
15	-	-	40
20	60	130	-
25	30	110	-
31	-	-	70
	170		120

- (1) Harga jualan seunit barang niaga ialah RM250.
- (2) Belanja pentadbiran dan pemasaran ialah RM5 000.

**Dikehendaki:**

- (i) Hitung inventori akhir dan kos barang dijual dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) dan Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD). [7]
- (ii) Sediakan Penyata Pendapatan bagi kedua-dua kaedah tersebut. [3]

3. Rani, Ranjit dan Raja berkongsi niaga dalam Perkongsian RRR dengan nisbah 3:2:1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan 2008 perkongsian memperoleh keuntungan masing-masing RM74 690 dan RM92 310. Draf Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009 menunjukkan keuntungan adalah sebanyak RM 63 500. Butiran terperinci Draf Kunci Kira-Kira Perniagaan pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

**Perkongsian RRR  
Draf kunci kira-kira pada 31 Disember 2009**

<b>Aset tetap</b>			<b>Ekuiti pemilik</b>	
Premis		205 000	Modal : Rani	280 000
Peralatan		220 000	Ranjit	200 000
Kenderaan		60 000	Raja	62 000
<b>Aset semasa</b>			<b>Liabiliti semasa</b>	
Stok		80 000	Akaun belum bayar	150 000
Akaun belum terima	90 000			
Peruntukan hutang ragu	8000	81 000		
Tunai		46 000		
		<u>692 000</u>		<u>692 000</u>

Rani telah menarik diri daripada Perkongsian pada 31 Disember 2009. Nisbah Perkongsian baru bagi Ranjit dan Raja ialah 4:2. Perkongsian bersetuju Rani mengambil salah sebuah kenderaan bernilai RM9 000 dan baki daripada akaun modalnya akan kekal dalam perkongsian sebagai pinjaman pada kadar 4% setahun. Pelarasan berikut perlu dibuat pada hari Rani bersara:

- (1) Premis dan peralatan dinilai semula masing-masing RM270 000 dan RM 190 000.
- (2) Peruntukan hutang ragu dikurangkan kepada RM4 000.
- (3) Stok dikurangkan sebanyak RM7 000.

- (4) Peruntukan bagi kos perundangan berjumlah RM8 500 yang dimasukkan dalam akaun pemiutang tidak di perlukan lagi.
- (5) Belanja pembubaran adalah sebanyak RM700.
- (6) Muhibah perlu dinilai berdasarkan nilai purata tiga tahun keuntungan yang paling akhir. Sebarang penilaian semula belanja pembubaran perlu diabaikan. Nilai Muhibah tidak akan ditunjuk dalam buku akaun.

**Dikehendaki:**

- (a)
  - i. Hitung muhibah dan pembahagiannya.
  - ii. Catatan jurnal pelarasan yang lengkap.
  - iii. Sediakan akaun modal perkongsi. [20]
  
- (b) Pemegang saham syarikat menikmati keuntungan perniagaan melalui penerimaan dividen tunai. Bagaimanakah halnya dengan pemilik perkongsian? [2]
  
- (c) Nyatakan tiga implikasi perundangan terhadap pengurusan perkongsian sekiranya perjanjian perkongsian tidak wujud. [3]

4. Syarikat Bumi Hijau Berhad mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM1.5 juta yang terdiri daripada 500 000 unit saham keutamaan 6% terkumpul yang bernilai RM1 sesyer, manakala bakinya ialah syer biasa yang bernilai RM2 sesyer. Kesemua syer keutamaan telah diterbitkan pada harga RM1.10. Lembaga Pengarah telah menerbitkan 250 000 unit syer biasa pada harga RM2.40. Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

Semasa permohonan	RM0.80
Ketika perumpukan	RM1.00 (termasuk premium)
Semasa panggilan	RM0.60

Permohonan sebanyak 500 000 unit telah diterima dan sebanyak 50 000 unit syer telah ditolak. Saham telah dikumpulkan kepada permohonan yang berjaya mengikut asas pro rata.

Wang permohonan daripada pemohon yang tidak berjaya dikembalikan manakala wang lebihan yang diperoleh semasa permohonan telah digunakan semasa perumpukan. Sebanyak 8 000 saham permohonan yang berjaya telah gagal membayar wang panggilan dan tidak meneruskan langganan. Saham tersebut kemudiannya dijual semula pada harga RM1.90 sesyer dan telah dibayar penuh.

**Dikehendaki:**

- (a) Sediakan catatan jurnal yang lengkap untuk merekodkan terbitan syer biasa Syarikat Bumi Hijau Sdn. Bhd. [20]
- (b) Sediakan petikan Kunci Kira-Kira bahagian Ekuiti Pemilik untuk menunjukkan kedudukan modal syer selepas urusan penerbitan syer dalam Syarikat Bumi Hijau telah dibuat. [5]

5. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, Kelab Pandan Indah merekodkan semua penerimaan dan pembayaran seperti berikut:

<b>Penerimaan tunai:</b>	<b>RM</b>
Baki tunai 1 Januari	13 000
Yuran ahli	9 800
Jualan-kantin	10 000
Sewa laci	3 900
Kutipan pesta ria	9 200

<b>Pembayaran tunai:</b>	
Belian-kantin	6 920
Belanja pesta ria	5 000
Insurans	10 500
Gaji pekerja	12 400
Belanja baik pulih laci	4 600
Alatan sukan	840

**Maklumat tambahan:**

	<b>31 Disember 2009</b>	<b>31 Disember 2008</b>
Bangunan kelab	31 000	31 000
Stok kantin	2 100	1 960
Pemiutang kantin	1 040	720
Yuran tertunggak	300	50
Yuran diterima terdahulu	260	220
Insurans tertunggak	520	420
Alatan sukan	1 000	520

Belanja baik pulih laci dibuat setiap lima tahun sekali. Baik pulih yang terakhir dibuat pada 1 Januari 2009. Kos baik pulih dikira sebagai belanja modal dan dilunaskan sepanjang lima tahun.

**Dikehendaki:**

- (a) Sediakan:
- (i) Akaun Yuran.
  - (ii) Akaun Perdagangan Kantin.
  - (iii) Penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
  - (iv) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009. [19]
- (b) Nyatakan tiga perbezaan antara buku tunai dengan akaun penerimaan dan pembayaran. [3]
- (c) Jelaskan penerimaan hasil dan penerimaan modal bagi sebuah kelab dengan memberikan satu contoh bagi setiap penerimaan tersebut. [3]

6. a) Baki yang terdapat dalam buku Koperasi Tunas Jaya Berhad pada 31 Disember 2009 ditunjukkan seperti berikut:

	RM	RM
Air dan elektrik	690	
Alat tulis	460	
Bangunan koperasi	40,990	
Bank	12,280	
Belanja Am	140	
Belanja mensyuarat	130	
Cukai tanah	240	
Derma		1,860
Elaun pekerja	360	
Faedah pertaruhan ahli	100	
Faedah simpanan tetap		300
Insurans	550	
Modal saham		24,000
Pemiutang		4,920
Penghutang	7,250	
Peralatan	7,000	
Peruntukan susut nilai peralatan		2,100
Pos dan setem	370	
Rizab berkanun		6,290
Rizab pendidikan		780
Simpanan tetap	6,000	
Untung kasar		32,490
Untung terkumpul pada 1 Jan 2009		5,620
Wang pertaruhan ahli		2,500
Yuran masuk		300
Stok pada 31 Disember 2009	4,600	
	81,160	81,160
	81,160	81,160

948/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

Lihat Sebelah  
SULIT\*

**Maklumat tambahan:**

- 1) Peralatan disusutnilaikan pada kadar 10 % setahun atas kos.
- 2) Belanja am terakru ialah RM30.
- 3) Insurans bayar dahulu ialah RM120.
- 4) Jualan dalam tahun 2009 berjumlah RM 64,175.
- 5) Sebahagian daripada untung koperasi diperuntukkan seperti berikut:
  - i) Sebanyak 13 % dipindahkan kepada rizab berkanun.
  - ii) Sebanyak 2% dipindahkan kepada rizab pendidikan.
  - iii) Sebanyak 1% disumbangkan kepada ANGKASA.
- 6) Dividen sebanyak 10 % dicadangkan.
- 7) Rebat sebanyak 8% dicadangkan.
- 8) Elaun sebanyak RM390 dicadangkan untuk Lembaga Pengarah.

**Dikehendaki:**

Sediakan bagi Koperasi Tunas Jaya Berhad:

- i) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
  - ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
  - iii) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009. [ 12 ]
- b) Nyatakan perbezaan antara modal saham dengan modal caruman. [ 4 ]
- c) Jelaskan peraturan-peraturan khusus yang berkaitan dengan perakaunan untuk koperasi. [ 9 ]

1. (a) Berikut adalah Baucer Tunai Runcit yang dikeluarkan oleh Perniagaan Truetone Sdn. Bhd.

BAUCER PEMBAYARAN		
Perniagaan Truetone Sdn. Bhd.		Bil – 3/10
Lot 29, Jalan SS 5		Tarikh : 4 Mei
2010	75000 Melaka	
Dibayar kepada : Pasar Mini Melati		
Untuk : Alat tulis		
Amaun : Tiga puluh lima dan sen dua puluh saja.		
RM 35.20		Diluluskan
oleh :		
Diterima oleh :		<i>Umar</i>
<i>Sanisah</i>		

Sebutkan 5 ciri sistem kawalan dalaman yang terdapat dalam Baucer Tunai Runcit di atas dan bagaimana ciri-ciri tersebut berfungsi sebagai langkah kawalan dalaman.

[10]

- (b) Terangkan amalan yang boleh digunakan bagi pengeluaran wang dari dana tunai runcit untuk tujuan kawalan dalaman.

[5]

- (c) Sistem perakaunan berkomputer dapat membantu mempertingkatkan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi. Nyatakan perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan oleh organisasi untuk memastikan sistem perakaunan berkomputer benar-benar memberi manfaat seperti yang diharapkan.

[4]

948/2

Lihat Sebelah

**\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.**

**SULIT\***

(d) Berikut adalah item kos yang dilibatkan oleh Syarikat Golier Bhd. iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan makanan ringan.

	<b>RM</b>
Bahan langsung	50,000
Buruh langsung	65,000
Gaji penyelia kilang	14,000
Gaji pengurus kilang	22,500
Susut nilai mesin	50,000
Gaji pekerja am	7,500
Cukai harta kilang	1,000
Pengiklanan	6,750
Susut nilai peralatan pejabat	900
Insurans kilang	1,500
Bekalan pejabat am	400

**Dikehendaki :**

Bagi setiap item kos di atas, kirakan jenis-jenis kos berikut :

- (i) Kos overhed
- (ii) Kos penukaran
- (iii) Kos tak langsung

[6]

2. a) i) Berikan definisi overhead sebenar, overhead dibelanjawankan dan overhead diserap.

[3]

ii) Nyatakan **tiga** perbezaan antara pengekosan tempahan kerja dengan pengekosan proses.

[6]

b) Syarikat Sinar Sdn Bhd telah menggunakan kadar overhead yang dianggarkan untuk jumlah pesanan tempahan pengeluaran barang mengikut kos buruh untuk Jabatan X.

Pada awal tahun 2000, syarikat telah membuat ramalan seperti yang berikut:

	<b>Jabatan X</b>	<b>Jabatan Y</b>
Kos buruh langsung	RM 64 000	RM 17 500
Overhed Kilang	RM 72 000	RM 75 000
Buruh langsung (jam)	8 000	2 500
Mesin (jam)	500	10 000
	<b>Jabatan X</b>	<b>Jabatan Y</b>
Bahan mentah dipesan	RM 10.00	RM 20.00
Kos buruh langsung	RM 16.00	RM 10.50
Buruh langsung (jam)	2 jam	1 ½ jam
Mesin (jam)	½ jam	6 ½ jam

**Dikehendaki:**

- a) Berapakah kadar overhead yang dianggarkan yang perlu digunakan untuk Jabatan X dan Y.

Pada bulan Januari, lembaran kerja untuk tempahan pengeluaran barang kerja nombor 002 menunjukkan maklumat yang berikut: [2]

- b) Jika diandaikan kerja nombor 002 mempunyai 10 unit keluaran barang, berapakah kos seunit barang untuk kerja nombor 002? [5]

- c) Pada akhir tahun 2000, kos overhead perkilangan sebenar berjumlah RM80 000 di Jabatan X dan RM65 000 di Jabatan Y. Nyatakan jumlah overhead yang terlebih serap atau terkurang serap untuk setiap jabatan dan untuk syarikat keseluruhannya. Andaikan jumlah kos buruh langsung sebenar dan jumlah jam mesin mengikut ramalan asal. [4]

- d) Dengan menggunakan maklumat yang sama seperti (c), iaitu overhead perkilangan sebenar, andaikan bahawa kos buruh langsung sebenar berjumlah RM74 000 di Jabatan X dan jumlah jam mesin sebenar untuk Jabatan Y ialah 9000 jam, kirakan jumlah overhead yang terkurang serap atau terlebih serap untuk setiap jabatan dan syarikat keseluruhannya. [5]

3. a) Syarikat Berjaya menyewa satu rumah kedai untuk menguruskan perniagaannya. Pihak pengurusan syarikat menyediakan belanjawannya yang berterusan bagi membantu perancangan kewangan dan proses pembuatan keputusan. Maklumat-maklumat tentang penyediaan belanjawan Syarikat Berjaya adalah seperti berikut:

- 1) Tempoh perancangan adalah hanya dalam tempoh 4 bulan iaitu April hingga Julai. Mengikut pengalaman yang lepas, jualan telah meningkat dalam tempoh ini. Berdasarkan pengalaman yang lepas juga, syarikat pasti akan mengalami kekurangan tunai dan dengan itu, pinjaman jangka pendek akan dibuat. Pembayaran pinjaman ini dibuat hanya apabila tunai telah mencukupi untuk berbuat demikian. Syarikat bercadang untuk meneruskan corak pembiayaan sebegini bagi tahun-tahun akan datang.
- 2) Jualan pada bulan Mac ialah RM 40 000. Ramalan jualan bulanan untuk bulan-bulan April hingga Ogos adalah seperti berikut:

April	RM 50 000
Mei	RM 80 000
Jun	RM 60 000
Julai	RM 50 000
Ogos	RM 40 000

- 3) Kutipan jualan adalah dalam nisbah 60% tunai dan 40% kredit. Semua jualan kredit dikutip dalam bulan selepas bulan jualan. Sebanyak RM 16 000 dari ABT pada 31 Mac adalah datang dari jualan kredit yang dibuat pada bulan Mac ( iaitu : 40% dari RM 40 000).

- 4) Inventori akhir yang dirasakan perlu ada di tangan ialah pada nilai asas RM 20 000 campur 80% daripada anggaran KBDJ bagi bulan berikutnya. Ini adalah untuk menampung permintaan pelanggan yang tidak tentu turun naiknya. Kos Barang Dijual (KBDJ) adalah pada purata 70% dari jualan.
- 5) Belian kredit adalah dalam syarat n/30. Syarikat Berjaya membuat bayaran ke atas beliannya dalam nisbah 50% bulan semasa dan 50% lagi bulan berikutnya. Dengan itu, baki ABB pada 31 Mac adalah 50% daripada belian bulan Mac.
- 6) Syarikat Berjaya membayar gaji dan komisen dua kali sebulan secara sama rata iaitu pada 31hb semasa dan 15hb bulan berikutnya. Gaji dibayar RM 2 500 sebulan dan komisen adalah bersamaan dengan 15% dari jualan.
- 7) Sebagai tambahan kepada aset yang ada, Syarikat Berjaya membeli peralatan dengan harga RM 3 000 tunai pada bulan April. Lain-lain belanja bulanan bagi Syarikat Berjaya adalah:

Belanja pelbagai	5% dari jualan, dibayar apabila berlaku.
Sewa	RM 2 000 dibayar apabila berlaku.
Insurans	RM200 sebulan.
Susut nilai	RM500 sebulan.

(susut nilai adalah termasuk susut nilai peralatan baru).

**Dikehendaki:**

Menyediakan:

- 1) Jadual penerimaan tunai.
- 2) Jadual pembayaran tunai.
- 3) Belanjawan belanja operasi.
- 4) Belanjawan KBDJ.
- 5) Belanjawan penyata pendapatan.

[20]

b)

4. Syarikat Amanda adalah pengeluar produk herba yang dipasarkan di seluruh negeri di Malaysia. Berikut adalah maklumat kewangan syarikat bagi tahun 2009.

<b><u>Kos Berubah Seunit</u></b>	<b><u>RM</u></b>
Bahan langsung	5.25
Buruh langsung	4.75
Overhed Perkilangan	2.00
Jualan dan Pentadbiran	0.60
<b><u>Belanja-belanja Tetap</u></b>	
Gaji Penyelia Kilang	13,000
Gaji Kakitangan Pentadbiran	10,000
Insurans	12,000
Utiliti	11,000
Penyelenggaraan Kilang	2,000
Kenderaan	3,000
Susut nilai Peralatan Pejabat	4,000
Susut nilai Kilang	5,000
<b><u>Maklumat tambahan :</u></b>	
Inventori awal	tiada
Jualan	12,500
Inventori akhir	2,500
Harga Jualan Seunit	20.00
Belanja Jualan dan Pentadbiran Tetap	20,700
Belanja insurans dan utiliti	: 80% untuk tujuan pengilangan 20% untuk tujuan pentadbiran
Belanja kenderaan	: 30% untuk tujuan pengilangan 70% untuk tujuan pentadbiran

948/2

Lihat Sebelah

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

**Dikehendaki :**

- (a) Hitung kos pengeluaran seunit produk mengikut kaedah pengekosan marginal dan pengekosan serapan. [4]
- (b) Sediakan Penyata Pendapatan bagi Syarikat Amanda berdasarkan kaedah pengekosan marginal dan pengekosan serapan. [13]
- (c) Berikan ulasan tentang wujudnya perbezaan antara untung atau rugi yang dihitung dengan menggunakan kaedah serapan dan marginal. [4]
- (d) Nyatakan dua kelebihan menggunakan kaedah pengekosan marginal dan serapan . [4]

5. a) Nyatakan maksud titik pulang modal. [2]

(b) Lakarkan graf titik pulang modal dengan menandakan butir-butir berikut :

(i) Titik Pulang Modal (A)

(ii) Kawasan untung (B) dan rugi (C)

(iii) Garisan kos tetap (D), kos berubah (E) dan jumlah kos (F) [1 ½]

(c) Syarikat Locher Bhd. mengeluarkan dan menjual dua jenis produk, Produk A dan Produk B. Berikut adalah maklumat-maklumat sepanjang tahun 2009 :

	<b>Produk A</b>	<b>Produk B</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Harga jualan seunit	30.00	20.00
Kos berubah seunit	21.00	16.00
Kos tetap	72,000	24,000

**Dikehendaki :**

Hitungkan bagi Produk A dan Produk B :

(i) Titik pulang modal dalam jualan (RM) [6]

(ii) Untung atau rugi jika pengeluaran adalah sebanyak 7,000 [3]

(iii) Margin keselamatan dalam unit jika jualan sebanyak RM270,000 [3]

(d) Syarikat Gingko Bhd. mengeluarkan pelbagai jenis alat tulis dan telah mengeluarkan kotak melalui Jabatan Kotak. Syarikat menyewa mesin khas bagi pengeluaran kotak tersebut. Maklumat mengenai kos pengeluaran bagi 120,000 kotak setahun adalah seperti berikut :

	<b>RM</b>
Bahan langsung	92,000
Buruh langsung	21,000
<b><u>Overhed berubah :</u></b>	
Gaji penyelia	6,000
Elektrik	5,250
Sewa mesin	15,750
Penyelenggaraan mesin	3,500
<b><u>Overhed tetap :</u></b>	
Perkilangan	17,500
Pentadbiran	10,500

Syarikat Lion Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengeluar kotak telah menawarkan untuk membekalkan kotak yang diperlukan oleh Syarikat Gingko Bhd. pada harga RM600 bagi 500 kotak. Jika tawaran ini diterima, Jabatan Kotak akan ditutup sepenuhnya. Manakala kos penyimpanan sebanyak RM3,500 setahun akan meningkatkan kos tetap.

**Dikehendaki :**

(i) Nasihatkan pihak pengurusan syarikat sama ada komponen kotak patut dibuat atau dibeli.

[7 ½]

(ii) Nyatakan empat faktor lain yang perlu dipertimbangkan oleh pihak pengurusan dalam membuat keputusan.

[2]

6. Pada awal tahun 2010, Syarikat Unicorn Bhd. menggunakan piawai berikut untuk seunit keluaran.

		RM
Bahan mentah	1.5kg @RM1.5sekg	2.25
Buruh langsung	2 ½ jam @RM4.60 sejam	11.50
<b><u>Overhed perkilangan:</u></b>		
Berubah	RM1.60 sejam buruh langsung	4.00
Tetap	RM2.50sejam buruh langsung	<u>6.25</u>
Kos piawai seunit keluaran		<u>24.00</u>

Volum pengeluaran biasa sebulan ialah 22,500 jam buruh langsung. Belanjawan Syarikat Unicorn Bhd. bagi bulan Jun 2010 berasaskan volum pengeluaran biasa. Pada bulan Jun, syarikat itu mengeluarkan 4,250 unit keluaran dengan data perakaunan seperti berikut :

Belian bahan mentah	13,500kg@RM1.60sekg
Bahan mentah digunakan	12,350kg
Buruh langsung	21,650jam@RM4.50sejam
Overhed perkilangan	RM191,250

**Dikehendaki :**

(a) Sediakan penyata perbandingan kos pengeluaran yang sebenar dan yang dibelanjawankan bagi bulan Jun 2010 bagi Syarikat Unicorn Bhd.

[6]

(b) Bagi bulan Jun 2010, hitung varians berikut dan nyatakan sama ada varians itu adalah varians memuaskan atau varians tidak memuaskan.

(i) Varians bahan

(ii) Varians buruh

(iii) Varians overhed

[14]

948/2

Lihat Sebelah

**\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.**

**SULIT\***

(c) Nyatakan dua sebab mengapa Syarikat Unicorn Bhd. perlu memperincikan analisis varians overhead. [3]

(d) Siapakah yang paling mungkin bertanggungjawab terhadap varians bahan dan varians buruh. [2]

- ba1. (a) Andaian merupakan asas yang diperlukan untuk proses perakaunan  
Cth. Andaian unit kewangan, kestabilan nilai wang, unit kewangan

Prinsip perakaunan merupakan suatu panduan yang diterima umum bagi menetapkan bagaimana sesuatu urusan perlu direkodkan dan dilaporkan.  
Cth. Prinsip catatan bergu, kematerialan, konsistensi dll. [4]

- (b) i. Entiti berasingan - ulasan  
ii. Konservetisme/penghematan - ulasan  
iii. Pendedahan penuh - ulasan  
iv. Kematerialan-ulasan  
v. Konsistensi/ketekalan - ulasan  
vi. Konservetisme/pemadanan - ulasan  
vii. Pendedahan penuh - ulasan  
viii. Kematerialan/Kematanan - ulasan  
x. Tempoh perakaunan - ulasan. [9]

- (c) [12]

		2008	2009
i	Nisbah Semasa	<u>204 200</u>	<u>156 400</u>
	<u>Aset Semasa</u>	123 000	142 000
	Liabiliti Semasa	=1.66 : 1	= 1.10:1
ii	Nisbah hutang atas jumlah aset	(123+51.2)	<u>206 400</u>
	<u>Jumlah Liabiliti</u>	<u>174. 2</u>	805 300
	Purata aset	70 .1	=0.26 : 1
		= 0.25 : 1	
iii	Pusing ganti inventori	<u>410 000</u>	<u>315 000</u>
	<u>KBDJ</u>	62 000	60 000
	Purata Inventori	=6.6 kali	=5.25 kali
iv	Nisbah jualan atas jualan aset	<u>850 000</u>	<u>650 000</u>
	tetap	707 100	805 300
	<u>Jualan</u>	=1.20:1	=0.80 : 1
	Purata aset		
v	Margin untung bersih atas jualan	<u>79 000</u> x 100	<u>60 000</u> x100
	<u>UBSC</u>	850 000	650 000
	Jualan	=9.29%	=9.23%
vi	Kadar pulangan atas jumlah aset	<u>79 000</u> x 100	<u>60 000</u> x 100
	<u>UBSC</u>	904200	706400
	Jumlah aset	= 8.74%	= 8.49%

2. (a)

i	2006 Jan 1	Lori Tunai Nota Belum Bayar  Insurans Cukai Jalan Lori Tunai	150 000   3 000 1 500 1 000	30 000 120 000   5 500
ii	2006 Jun 30   Dis 31	Nota Belum Bayar Bank  Belanja Faedah Bank  Untung Rugi Peruntukan Susut Nilai Lori	120 000   4 200  45 651	120 000   4 200  45 651
iii	2008 Dis 31	Peruntukan Susut Nilai Lori Bank Van Untung Rugi(Untung atas pelupusan)	89 578 50 000	151 000 11 422
iv		Lori(baru)(22+100) Peruntukan Susut Nilai Lori Untung Rugi Tunai Lori(lama)	122 000 89 578 39 422	100 000 151 000

[15]

(b) (i)

<p style="text-align: center;"><b>MDKD</b></p> Inventori akhir 20 @ 130 = 2 600 30 @ 110 = 3 300 Jumlah = 5 900	<p style="text-align: center;"><b>MKKD</b></p> Inventori akhir 10 @ 200 = 2 000 20 @ 120 = 2 400 20 @ 130 = 2 600 Jumlah = 7 000
<p style="text-align: center;"><b>KBDJ</b></p> 20 @ 200 = 4 000 40 @ 120 = 4 800 20 @ 100 = 2 000 40 @ 130 = 5 200 Jumlah = 16 000	<p style="text-align: center;"><b>KBDJ</b></p> 10 @ 200 = 2 000 20 @ 100 = 2 000 20 @ 120 = 2 400 30 @ 110 = 3 300 40 @ 130 = 5 200 Jumlah = 14 900

[7]

## (ii) Penyata Pendapatan

	MDKD	MKKD	
Jualan	30 000	30 000	
KBDJ	<u>16 000</u>	<u>14 900</u>	
Untung Kasar	14 000	15 100	
Belanja	<u>5 000</u>	<u>5 000</u>	
Untung Bersih	<u>9 000</u>	<u>10 000</u>	[3]

## 3(a) (i) Muhibah

## Untung Terselaras bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Untung sebelum pelarasan	63 500
+ Pengurangan dalam Peruntukan hutang ragu (8 000 – 4 000)	4 000
Pengurangan dalam kos perundangan	<u>8 500</u>
	76 000
- Pengurangan dalam stok	<u>7 000</u>
	<u>69 000</u>
Untung Purata= $\frac{75\,090 + 90\,000 + 69\,000}{3}$	

## Pembahagian Muhibah:

Rani (3) 39 015

Ranjit (2) 26 010

Raja (1) 13 005

[5]

## (ii) Catatan Jurnal

1	Premis Penilaian Semula (penambahan dalam nilai premis)	65 000	65 000
2	Penilaian Semula Peralatan (pengurangan dalam nilai peralatan)	30 000	30 000
3	Penilaian Semula Stok (pengurangan nilai stok)	7 000	7 000
4	Peruntukan Hutang Ragu Peruntungan Kos Perundangan Penilaian Semula (pengurangan dan peruntukan)	4 000 8 500	9 500

5	Penilaian Semula Belanja Terakru (belanja pembubaran)	7 000	7 000
6	Akaun Penilaian Semula Modal: Rani Ranjit Raja (untung atas penilaian semula)	39 800	19 900 13 267 6 633
7	Muhibah Modal: Rani Ranjit Raja (Muhibah diwujudkan)	78 030	39 015 26 010 13 005
8	Modal : Ranjit (4) Raja (2) Muhibah (Muhibah dihapuskan)	52 020 26 010	78 030
9	Modal : Rani Kenderann (kenderaan diambil alih)	9 000	9 000
10	Modal Rani ( 28 000 + 19 900 + 39 015 – 9 000) Pinjaman (pelarasan akaun modal Rani)	329 915	329 915

(iii)

## Akaun Modal

	Riani	Ranjit	Raja		Riani	Ranjit	Raja
Muhibah dihapuskan	-	52 020	26 010	Baki b/b	280 000	200 000	62 000
Kenderaan diambil alih	9 000	-	-	Untung penilaian semula	19 900	13 267	6 633
Pinjaman	329 915	-	-	Muhibah diwujudkan	39 015	26 010	13 005
Baki h/b	-	187 257	55 628				
	<b>338 915</b>	<b>239 277</b>	<b>81 638</b>		<b>338 915</b>	<b>239 277</b>	<b>81 638</b>

Setiap butiran ¼ markah. ¼ x 12 =3

[20]

- (b) Bagi pemilik perkongsian, untung perkongsian akan dibahagikan kepada mereka pada akhir setiap tahun. Jumlah ini kemudiannya akan dipindahkan semula ke akaun semasa atau pun akaun modal. [2]

- (c) 1. Tiada faedah atas modal akan diberikan  
2. Tiada gaji pada pekongsi akan diberikan  
3. Tiada faedah atas ambilan

[3]

4. (a)

1	Bank (500 000 x 0.80) Permohonan perumpukan syer (wang permohonan diterima)	400 000	400 000
2	Permohonan dan perumpukan Bank ( 50 000 x 0.80 ) ( wang permohonan dikembalikan)	40 000	40 000
3	Bank ( 250 000 x 1.00) – ( 500 000-50 000-250 000)x0.80 Permohonan dan perumpukan (wang perumpukan diterima)	90 000	90 000
4	Permohonan dan perumpukan Modal syer biasa [ 250 000 x (80 + 60 ) ] Premium syer (250 000 x 0.40 ) (syer diperumpukan)	450 000	350 000 100 000
5	Panggilan (250 000 x 0.60) Modal syer biasa (panggilan dibuat)	150 000	150 000
6	Bank (250 000-8 000) x 0.60 Panggilan (jumlah wang panggilan diterima)	145 200	145 200
7	Panggilan tertunggak (8 000 x 0.60) Panggilan (wang panggilan yang tidak diterima)	4 800	4 800
8	Modal syer biasa (8 000 x 2.00) Rampasan syer (syer dirampas)	16 000	16 000
9	Rampasan syer Panggilan tertunggak (pindahan panggilan tertunggak)	4 800	4 800
10	Bank (8 000x 1.90) Rampasan syer/terbitan semula (syer dirampas diterbit semula)	15 200	15 200
11	Rampasan syer/terbitan semula Modal syer (terbitan semula syer)	16 000	16 000
12	Rampasan syer/terbitan semula Premium syer (15 200-4 800) (premium atas lebihan semula syer)	10 400	10 400

[20]

(b)

## Kunci Kira-Kira (petikan)

Dibiayai oleh,		
Modal dan Razab		
Modal dibenarkan		
Syer biasa @ RM2 sesyer		1 000 000
Syer keutamaan 6% @ RM1 sesyer		<u>500 000</u>
		<u>1 500 000</u>
Modal diterbitkan dan berbayar		
Syer biasa @ RM2 sesyer		250 000
Syer keutamaan 6% @ RM1 sesyer		<u>500 000</u>
		<u>170 000</u>
Rezab		
Premium syer(50 000+10 400)		<u>60400</u>
		<u>810 400</u>

[5]

5.(a) (i)

## Akaun Yuran

Baki b/b	50	Baki b/b	220
Pendapatan dan perbelanjaan		Bank	9 800
Baki h/b	10 010	Baki h/b	300
	260		
	<u>10 320</u>		<u>10 320</u>

(ii)

Akaun Perdagangan Kantin  
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Jualan		10 000
Stok awal	1 960	
Belian	<u>7 240</u>	
	9 200	
Stok akhir	2 100	<u>7 100</u>
Untung kantin		<u>2 900</u>

(iii)

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan  
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Untung kantin		2 900
Yuran ahli		10 010
Sewa laci		3 900
Kutipan pesta ria	9 200	
- Belanja pesta ria	<u>5 000</u>	<u>4 200</u>
		21 010
<b>Tolak: Perbelanjaan</b>		
Insurans	10 600	
Gaji pekerja	12 400	
Belanja baik pulih laci	920	
Susut nilai alatan sukan	360	<u>24 280</u>
Kurangan		<u>(3270)</u>

(iv)

Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009

<b>Aset Tetap</b>		
Bangunan kelab		31 000
Alatan sukan		1 000
Belanja membaiki laci	4 600	
-pelunasan	<u>920</u>	<u>3 680</u>
		35680
<b>Aset Semasa</b>		
Stok akhir	2 100	
Tunai	5 640	
Yuran tertunggak	<u>300</u>	
	8 040	
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Pemiutang	1 040	
Yuran terdahulu	260	
Insurans tertunggak	<u>520</u>	<u>1 820</u>
Modal kerja		<u>6 220</u>
		41 900
<b>Dibiayai oleh:</b>		
Dana terkumpul		45 170
Kurangan		<u>(3 270)</u>
		<u>41 900</u>

[19]

(b)

<b>Buku tunai</b>	<b>Akaun penerimaan dan pembayaran</b>
Buku catatan urus niaga harian	Merekod jumlah penerimaan dan pembayaran pada akhir sesuatu tempoh
Dicatat mengikut kronologi masa	Tidak direkod mengikut kronologi masa
Digunakan oleh semua syarikat perniagaan	Hanya digunakan oleh kelab dan persatuan

[3]

- (c) Penerimaan hasil- Pendapatan yang diperolehi bagi sesuatu tempoh kewangan dan perlu diambil kira dan penyata pendapatan tempoh berkenaan untuk memastikan untung bersih bagi tempoh tersebut.

Penerimaan modal- Penerimaan yang bukan merupakan pendapatan bagi tempoh berkenaan tidak boleh diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh tersebut.

Contoh: Penerimaan hasil: Yuran ahli

Penerimaan modal: derma diterima untuk tabung membina bangunan Kelab

[3]

6. a) i)

## Akaun Untung Rugi

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	RM		RM
Faedah pertaruhan ahli	100	Untung kasar	32,490
Cukai tanah	240	Faedah simpanan tetap	300
Air dan elektrik	690	Derma	1,860
Pos dan setem	370	Yuran masuk	300
Alat tulis	460		
Insurans	430		
Belanja mesyuarat	130		
Belanja am	170		
Susut nilai peralatan	700		
Elaun pekerja	360		
Untung bersih	31,300		
	<u>34,950</u>		<u>34,950</u>

ii)

## Akaun Pembahagian Untung

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	RM		RM
Rizab berkanun	4,069	Untung terkumpul 1/1/2009	5,620
Rizab pendidikan	626	Untung bersih	31,300
Sumbangan kepada ANGKASA	313		
Dividen Saham	2,400		
Rebat	5,134		
Elaun pengarah	390		
Untung tertahan	23,988		
	<u>36,920</u>		<u>36,920</u>

iii)

## Koperasi Tunas Jaya Berhad

Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009

	RM	RM		RM
<u>Aset tetap:</u>			<u>Ekuiti:</u>	
Bangunan		40,990	Modal Saham	24,000
Peralatan	7,000			
- PSN	<u>2,800</u>	4,200	<u>Rizab</u>	
			Rizab berkanun	10,359
<u>Aset Semasa</u>			Rizab pendidikan	1,406
Stok		4,600	Untung terkumpul	23,988
Penghutang		7,250		
Bank		12,280	<u>Liabiliti semasa</u>	
Insurans prabayar		120	Wang pertaruhan ahli	2,500
Akaun simpanan tetap		6,000	Pemiutang	4,920
			Dividen dicadangkan	2,400
			Sumbangan kepada	
			ANGKASA	313
			Rebat dicadang	5,134
			Elaun pengarah	390
			Belanja am terakru	30
		<u>75,440</u>		<u>75,440</u>

[ 12 ]

b)

Modal Saham	Modal Caruman
1. Bagi semua koperasi. 2. Bayaran sekali sahaja.	1. Bagi koperasi pinjam-meminjam sahaja. 2. Bayaran yuran modal.

[4]

c) i) Koperasi diwajibkan untuk mewujudkan satu dana rizab iaitu:

1. Dana rizab berkanun – 25% atau kurang.

ii) Pembahagian keutungan tahunan seperti berikut:

1. 25 % untuk kumpulan rizab berkanun.
2. Caruman pada badan tertentu yang diarah.
3. Bayaran dividen tidak melebihi 10%.
4. Peruntukan kumpulan wang menebus saham.
5. Bayaran kehormat tidak melebihi 10% untuk ahli lembaga pengarah.
6. Pemberian derma tidak melebihi 10%.
7. Peruntukan kumpulan wang biasiswa.
8. Peruntukan kepada tabung bangunan
9. Peruntukan kepada kumpulan wang lain yang diluluskan oleh pendaftar.

iii) Pelaburan atau penyimpanan yang dibenarkan dalam salah satu yang berikut:

1. Mana-mana bank yang diluluskan.
  2. Bon-bon kerajaan.
  3. Simpanan tetap.
  4. Saham koperasi yang diluluskan.
  5. Modal saham atau debentur dalam bank atau syarikat yang diluluskan.
  6. Tanah dan bangunan yang diluluskan.
- 
- i) Akaun Rizab Modal- apabila aset tetap dijual dan untung diwujudkan.
  - ii) Akaun Tabung Derma Khas – menerima jumlah derma yang besar.
  - iii) Rekod-rekod bagi koperasi adalah sama dengan perniagaan lain.

(19 x ½ = 9 m)

[ 9 ]

**SOALAN 1**

- (a) (i) No. baucer tunai runcit secara bersiri
- dikesan dan disemak
  - tiada penyelewengan berlaku
- (ii) Tarikh baucer tunai runcit
- menyemak bila pembayaran dibuat
  - tujuan merekod urusan ke dalam buku
- (iii) Nama penerima
- bayaran dibuat untuk belanja yang sebenar berlaku
  - elak penyelewengan
- (iv) Tujuan bayaran
- memastikan belanja telah dibuat
  - elak penyelewengan
- (v) Amaun dalam angka dan perkataan
- ketepatan semasa merekod
  - tiada penyelewengan
- (vi) Pengesahan dan kelulusan
- pengeluaran dibuat untuk perkara yang betul
  - tiada penyelewengan

(mana-mana 5, ciri – 1m dan fungsi – 2 X ½ m = 1m)

**(b) Prosedur kawalan dalaman pengeluaran dari dana tunai runcit :**

- (i) Dokumentasi  
Juruwang tunai runcit perlu mengisi baucer tunai runcit dengan lengkap
- (ii) Kelulusan dan pengesahan  
Penerima bayaran menandatangani baucer tunai runcit sebagai bukti penerimaan. Bucer yang telah ditandatangani ditandakan “BAYAR”
- (iii) Pengagihan tugas  
Tugas meluluskan pembayaran dan orang yang akan membuat pembayaran mesti dilakukan oleh dua pihak yang berbeza
- (iv) Kawalan fizikal  
Diletakkan ke dalam kotak untuk menyimpan tunai runcit. Jumlah bayaran mengikut baucer pembayaran yang diletakkan dalam kotak dana tunai yang ada mestilah sentiasa sama dengan amaun yang mula-mula dimasukkan dalam dana itu yang juga merupakan baki akaun tunai runcit.
- (v) Semakan  
Pengiraan mengejut dibuat untuk memastikan dana runcit tidak diselewengkan

(Ciri – ½ m, penjelasan – ½ m)

## (c) Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan

## (i) Kos

Penggunaan sistem komputer melibatkan kos yang tinggi di peringkat permulaan pelaksanaannya

## (ii) Kemahiran

Pekerja perlu diberi latihan untuk mengendalikan komputer

## (iii) Saiz dan jenis perniagaan

Perniagaan yang besar dan berkembang patut menggunakan komputer untuk merekod, memproses data dan menyimpan data dengan cepat dan selamat

## (iv) Kualiti dan keselamatan perisian

[4]

(d) **Kos Overhed**

	RM	
Gaji penyelia kilang	14,000	
Gaji pengurus kilang	22,500	
Susut nilai mesin	50,000	
Cukai harta kilang	1,000	
Insurans kilang	<u>1,500</u>	
	<u>89,000</u>	[2 ½]

**Kos Penukaran**

Buruh langsung	65,000	
Overhed	<u>89,000</u> OF	
	<u>154,000</u>	[1]

**Kos tak langsung**

Overhed	89,000 OF	
Gaji pekerja am	7,500	
Pengiklanan	6,750	
Susut nilai peralatan pejabat	900	
Bekalan pejabat am	<u>400</u>	
	<u>10,4550</u>	[2 ½]

**SOALAN 2**

i) Overhed sebenar –

Overhed dibelanjawankan –

Overhed diserap -

ii) 3 perbezaan pengekosan tempahan kerja dengan pengekosan proses.

	Pengekosan Tempahan Kerja	Pengekosan Proses

b) a) Kadar overhed yang dianggarkan ialah:

$$\text{Jabatan X} = \frac{\text{RM}72\,000}{64\,000} = 1.125 \text{ kaki kos buruh langsung atau (112.5\%)}$$

$$\text{Jabatan Y} = \frac{\text{RM }75\,000}{10\,000} = \text{RM}7.50 \text{ untuk setiap jam mesin}$$

[2]

$$\begin{array}{l} \text{b) Jabatan X} = \text{RM }16.00 \times 112.5\% \quad \text{RM }18.00 \\ \text{Jabatan Y} = 6\frac{1}{2} \text{ jam} \times \text{RM}7.50 \quad \underline{\text{RM }48.75} \\ \quad \quad \quad \quad \quad \quad \quad \quad \underline{\underline{\text{RM}66.75}} \end{array}$$

$$\begin{array}{l} \text{Jumlah kos keseluruhan :} \quad \text{RM }44.00 + 79.25 = \text{RM}123.25 \\ \quad \quad \quad \quad \quad \quad \text{RM}123.25 / 10 \text{ unit} = \text{RM }12.325 \text{ seunit} \quad [5] \end{array}$$

c) Jabatan X

$$\begin{array}{l} \text{Overhed serapan} \quad \quad \quad \text{RM }72\,000 \\ \text{Overhed sebenar} \quad \quad \quad \underline{\text{RM }80\,000} \\ \text{Overhed terkurang serap} \quad \quad \underline{\underline{\text{RM }8\,000}} \end{array}$$

Jabatan Y

$$\begin{array}{l} \text{Overhed serapan} \quad \quad \quad \text{RM }75\,000 \\ \text{Overhed sebenar} \quad \quad \quad \underline{\text{RM }69\,000} \\ \text{Overhed terlebih serap} \quad \quad \underline{\underline{\text{RM }6\,000}} \end{array}$$

Overhed perkilangan terkurang serap = ( RM 2 000) Oleh itu RM 8 000 – RM 6000.

[4]

## d) Jabatan X

Overhed serapan ( 112.5% x RM 4 000)	RM 83 250
Overhed sebenar	<u>RM 80 000</u>
Overhed terlebih serap	<u>RM 3 250</u>

## Jabatan Y

Overhed serapan( 9 000 x RM7.50)	RM 76 500
Overhed sebenar	<u>RM 69 000</u>
Overhed terkurang serap	<u>( RM 1 500 )</u>

Oleh itu, jumlah overhed perkilangan terlebih serap ialah = RM 3 250 – ( RM 1 500 )  
= RM 1 750

[5]

**SOALAN 3****Belanjawan Jualan**

	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Jualan Kredit 40%	16 000	20 000	32 000	24 000	20 000	
Jualan Tunai	24 000	30 000	48 000	36 000	30 000	
Jumlah Jualan	40 000	50 000	80 000	60 000	50 000	240 000 (a)

**Jadual Kutipan Tunai**

	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Jualan Tunai	30 000	48 000	36 000	30 000	
Jualan Kredit ( Dari Bulan Lepas )	16 000	20 000	32 000	24 000	
Jumlah Kutipan	46 000	68 000	68 000	54 000	

**Belanjawan Belian**

	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Inventori Akhir Dikehendaki	48 000	64 800	53 600	48 000	42 400	
- KBDJ	28 000	35 000	56 000	42 000	35 000	168 000(b)
Jumlah Diperlukan	76 000	99 800	109 000	90 000	77 400	
- Inventori Awal	42 400	48 000	64 800	53 600	48 000	
Belian	33 600	51 800	44 800	36 400	29 400	

**Jadual Pembayaran Tunai**

	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Bulan Semasa 50%	25 900	22 400	18 200	14 700	
Bulan Lepas 50%	16 800	25 900	22 400	18 200	
Jumlah Bayaran	42 700	48 300	40 600	32 900	

**Belanjawan Belanja Operasi**

	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Upah	2 500	2 500	2 500	2 500	2 500	
Komisen	6 000	7 500	12 000	9 000	7 500	
Jumlah	8 500	10 000	14 500	11 500	10 000	46 000
Belanja Pelbagai		2 500	4 000	3 000	2 500	12 000
Sewa		2 000	2 000	2 000	2 000	8 000
Insurans		200	200	200	200	200
Susut Nilai		500	500	500	500	500
Jumlah		15 200	21 200	17 200	15 200	68 800 (c)

**Jadual Pembayaran Operasi**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Julai</b>	<b>Jumlah</b>
Upah dan Komisen					
50% lepas	4 250	5 000	7 250	5 750	
50% semasa	5 000	7 250	5 750	5 000	
Jumlah	9 250	12 250	13 000	10 750	
Belanja Pelbagai	2 500	4 000	3 000	2 500	
Sewa	2 000	2 000	2 000	2 000	
Jumlah Pembayaran	13 750	18 250	18 000	15 250	

**Belanjawan KBDJ – Rujuk Belanjawan Belian  
Belanjawan Penyata Pendapatan**

Jualan	240 000	Dari (a)
- KBDJ	168 000	Dari (b)
Margin Kasar	72 000	
- Belanja Jualan Dan Pentadbiran	68 800	Dari (c)
Pendapatan Operasi	3 200	
- Belanja Faedah	675	
Pendapatan Sebelum Cukai	2 525	
Cukai	-	
Pendapatan Bersih	2 525	

**Belanjawan Tunai**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Julai</b>
Baki Tunai Awal	10 000	10 550	10 580	10 785
Penerimaan Tunai	46 000	68 000	68 000	54 000
<b>Tunai Sedia Ada</b>	56 000	78 550	78 580	64 785
<b>Pembayaran Tunai:</b>				
Inventori Barang Niaga	42 700	48 300	40 600	32 900
Belanja Operasi	13 750	18 250	18 000	15 250
Jumlah Pembayaran	59 450	66 550	58 600	48 150
<b>Lebihan / Kurangan</b>	(3 450)	12 000	19 980	16 635
Pembiayaan:				
Pinjaman	14 000			
Pembayaran Balik		(1 000)	(9 000)	(4 000)
Faedah (18% / Tahun)		(420)	(195)	(60)
Pembiayaan Bersih	14 000	(1 420)	(9 195)	(4 060)
<b>Baki Tunai Akhir</b>	<b>10 550</b>	<b>10 580</b>	<b>10 785</b>	<b>12 575</b>

**SOALAN 4**(a) Kos pengeluaran seunit produk(i) Kaedah marginal

	<b>RM</b>	
- bahan langsung	5.25	
- buruh langsung	4.75	
- overhed berubah	<u>2.00</u>	
	<u>12.00</u>	[4 X ¼ m = 1m]

(ii) Kaedah serapan

- bahan langsung	5.25	
- buruh langsung	4.75	
- overhed berubah	2.00	
- overhed tetap **	<u>2.62</u>	
	<u>14.62</u>	[4 X ¼ m = 1m]

\*\* Overhed tetap

	<b>RM</b>	
- Gaji penyelia kilang	13,000	
- Penyelenggaraan kilang	2,000	
- Susut nilai kilang	5,000	
- Insurans (80% X 12,000)	9,600	
- Utiliti (80% X 11,000)	8,800	
- Kenderaan (30% X 3,000)	<u>900</u>	
	39300	
÷ Pengeluaran	<u>15,000</u>	
	<u>2.62</u>	[8 X ¼ m = 2m]

(b) (i) Kaedah marginal**Syarikat Amanda****Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jualan (12,500 X RM20)		250,000
<u>(-) Kos Berubah :</u>		
Inventori awal	-	
Kos Perkilangan (15,000 X RM12)	180,000	
(-) Inventori akhir (2,500 X RM12)	<u>30,000</u>	<u>150,000</u>
		100,000
(-) Belanja Jualan & Pentadbiran Berubah (12,500 X RM0.60)		<u>7,500</u>
Margin Caruman		92,500
<u>(-) Kos Tetap</u>		
Overhed kilang (15,000 X RM2.62)	39,300	
Belanja Jualan & Pentadbiran	<u>20,700</u>	<u>60,000</u>
Untung Bersih		<u>32,500</u>

[14 X ½ m = 7m]

(ii) Kaedah serapan

**Syarikat Amanda**  
**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jualan (12,500 X RM20)		250,000
<u>(-) Kos Jualan</u>		
Inventori awal	-	
Kos perkilangan (15,000 X RM14.62)	219,300	
(-) Inventori akhir (2,500 X RM14.62)	<u>36,550</u>	<u>255,850</u>
Rugi kasar		(5850)
<u>(-) Belanja Jualan &amp; Pentadbiran</u>		
Berubah (12,500 X RM0.60)	7,500	
Tetap	<u>20,700</u>	<u>28,200</u>
Rugi Bersih		<u>(3,050)</u>

(c) Perbezaan ini disebabkan oleh overhed tetap diserap sebagai kos produk dalam stok awal dan stok akhir di bawah kaedah kos serapan [2m] manakala di bawah kos marginal, semua overhed tetap dicaj kepada untung rugi sebagai kos tempoh [2m]

(d) Dua kelebihan kaedah pengekosan serapan

(i) Oleh kerana overhed tetap diserap sebagai kos pengeluaran, inventori yang dipegang tidak berkurang nilaikan

(ii) Membolehkan harga jualan yang ditetapkan lebih realistik [2m]

Dua kelebihan kaedah pengekosan marginal

(i) Oleh kerana kos berubah dan kos tetap diasingkan, kaedah kos marginal adalah berguna untuk tujuan perancangan dan membuat keputusan. Pengasingan kos berubah dan kos tetap membolehkan analisis dibuat terhadap kesan perubahan volum untung dan kos


(ii) Masalah overhed tetap terlebih atau berkurangan serap tidak wujud [2m]

**SOALAN 5**

(a) Tingkat jualan dalam unit dan RM yang memberikan tiada untung atau rugi. Tingkat jualan minimum, cukup untuk menampung semua kos. Jumlah hasil jualan bersamaan dengan jumlah kos.

[2]

(b)



[6 X ¼ m = 1 ½ ]

(c) (i)

	<b>Produk A</b>	<b>Produk B</b>
Nisbah margin sumbangan (%)=	$\frac{RM30 - RM21}{RM30} \times 100$	$\frac{RM20 - RM16}{RM20} \times 100$
	= 30%	= 20%
TPM (RM)	= <u>RM72,000</u>	= <u>RM24,000</u>
	30%	20%
	= RM240,000	= RM120,000

[12 X ½ m = 6]

(ii) Produk A

Untung/rugi = Caruman – Kos tetap

$$\begin{aligned} \text{Rugi} &= (\text{RM}30 - \text{RM}21) \times 7,000 - 72,000 \\ &= \text{RM}9,000 \end{aligned}$$

## Produk B

$$\begin{aligned} \text{Untung} &= (\text{RM}20 - \text{RM}16) \times 7,000 - 24,000 \\ &= \text{RM}4,000 \end{aligned} \quad [6 \times \frac{1}{2} \text{ m} = 3]$$

## (iii)

	<u>Produk A</u>	<u>Produk B</u>
Margin keselamatan	= <u>Jualan – TPM (RM)</u>	
	Harga Jualan seunit	
	= <u>RM270,000 – RM240,000</u>	= <u>RM270,000 – RM120,000</u>
	RM30	RM20
	= 1,000 unit	= 7,500 unit
		[6 X ½ m = 3]

## (d) (i)

	<u>Buat</u>	<u>Beli</u>
	RM	RM
Bahan langsung	92,000	
Buruh langsung	21,000	
Overhed berubah :		
Gaji penyelia	6,000	
Elektrik	5,250	
Sewa mesin	15,750	
Penyelenggaraan mesin	3,500	
Kos belian (RM600 X 240)		144,000
Kos penyimpanan		<u>3,500</u>
	<u>143,500</u>	<u>147,500</u>
		[11 X ½ m = 5 ½ ]

Nasihat : Kos membeli komponen kotak dari Syarikat Lion Sdn. Bhd. adalah lebih tinggi berbanding kos membuat sendiri. Oleh itu Syarikat Gingko Berhad perlu meneruskan pengeluaran kotak. [2]

## (ii) Empat faktor lain yang perlu dipertimbangkan :

- Kualiti kotak yang dibekalkan oleh Syarikat Lion Sdn. Bhd. adalah sama
- Syarikat Lion Sdn. Bhd. dapat menjamin bekalan kotak yang diperlukan
- Ganti rugi bagi perjanjian sewa mesin
- Kemungkinan kenaikan harga kotak oleh pembekal luar
- Faktor perikemanusiaan – penutupan Jabatan Kotak, ramai pekerja akan diberhentikan

[2]

**SOALAN 6**(a) Penyata Perbandingan Kos Pengeluaran

	<u>Belanjawan</u>		<u>Sebenar</u>
	RM		RM
Bahan mentah (4,250 X RM1.50 X 1.5kg)	= 9,562.50	(12,350 X RM1.60)	= 19,760
Buruh langsung (4,250 X 2 ½ X RM4.50)	= 47,812.50	(21,650 X RM4.50)	= 97,425
Overhed kilang berubah (4,250 X 2 ½ X RM1.60)	17,000		
Overhed kilang tetap (22,500 X 6.25) 2 ½	<u>56,250</u>		<u>191,250</u>
	<u>130,625</u>		<u>308,435</u>

[6]

## (b) (i) Varians bahan

$$\begin{aligned} \text{Varians harga bahan} &= 13,500 (1.60 - 1.50) \\ &= \text{RM}1,350 \text{ (Tidak Memuaskan/TM)} \end{aligned} \quad [2]$$

$$\begin{aligned} \text{Varians kuantiti bahan} &= 1.50 [12,350 - (1.5\text{kg} \times 4,250)] \\ &= 1.50 (12,350 - 6,375) \\ &= \text{RM}8,962.50 \text{ (Memuaskan/M)} \end{aligned} \quad [2]$$

$$\begin{aligned} \text{Varians total} &= \text{RM}1,350 \text{ (TM)} + \text{RM}8,962.50 \text{ (M)} \\ &= \text{RM}7,612.50 \text{ (M)} \end{aligned} \quad [2]$$

## (ii) Varians buruh

$$\begin{aligned} \text{Varians kadar buruh} &= 21,650 (4.50 - 4.60) \\ &= \text{RM}2,165 \text{ (M)} \end{aligned} \quad [2]$$

$$\begin{aligned} \text{Varians kecekapan buruh} &= 4.60 [21,650 - (2 \frac{1}{2} \times 4,250)] \\ &= 4.60 (21,650 - 10,625) \\ &= \text{RM}50,715 \text{ (TM)} \end{aligned} \quad [2]$$

$$\begin{aligned} \text{Varians total} &= \text{RM}2,165 \text{ (M)} + \text{RM}50,715 \text{ (TM)} \\ &= \text{RM}48,550 \text{ (TM)} \end{aligned} \quad [2]$$

(iii) Varians overhead

$$\begin{aligned}\text{Varians overhead total} &= \text{perbelanjaan sebenar} - \text{perbelanjaan dibelanjawan} \\ &= \text{RM191,250} - [(4 \times 4,250) + (6.25 \times 4,250)] \\ &= \text{RM191,250} - (17,000 + 26,562.50) \\ &= \text{RM191,250} - \text{RM43,562.50} \\ &= \text{RM147,687.50(TM)}\end{aligned}\quad [2]$$

(c) (i) Penentuan tanggungjawab

(ii) Memudahkan kawalan [3]

(d) Varians harga bahan : Pengurus jabatan belian

Varians kuantiti bahan : Pengurus jabatan pengeluaran

Varians kadar buruh : Pengurus jabatan pengeluaran @ sumber manusia

Varians kecekapan buruh : Pengurus jabatan pengeluaran [2]